

## UNTUK SIARAN SEGERA

### **“Ini Bukan Isu Penapisan – Ini Tentang Menyelamatkan Nyawa”**

*CMCF Seru Pelaporan Bertanggungjawab Mengenai Kes Bunuh Diri yang Dikaitkan dengan Buli Siber*

**KUALA LUMPUR, [23 Ogos 2025]** – Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (CMCF) menyuarakan kebimbangan serius berhubung laporan media dan perkongsian dalam talian yang mengaitkan kes bunuh diri dengan insiden buli siber. Walaupun perbincangan umum mengenai isu ini penting, cara ia dilaporkan boleh membawa kesan besar kepada komuniti yang terdedah.

“Bunuh diri bukan sekadar satu berita atau cerita. Cara ia dilaporkan sama ada boleh memudaratkan atau menyelamatkan,” kata Mediha Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif CMCF. “Perkara ini amat kritikal apabila melibatkan golongan belia dan pelajar, kerana mereka lebih mudah terpengaruh dengan cara cerita-cerita ini dipersembahkan.”

Setiap perkataan, imej dan tajuk utama memberi kesan. Apabila isu bunuh diri dilaporkan secara sensasi atau terlalu ringkas, ia boleh meningkatkan bahaya kepada mereka yang sudah pun bergelut. Namun, jika dilaporkan dengan penuh tanggungjawab, ia mampu melindungi serta menyokong individu yang terdedah.

CMCF menegaskan bahawa perkara ini bukan soal penapisan, tetapi soal tanggungjawab. “Kami tidak meminta sesiapa untuk berdiam diri – kami meminta supaya semua lebih bertanggungjawab. Bunuh diri adalah isu kesihatan awam. Cara kita berkomunikasi mengenainya boleh sama ada menyebarkan mudarat atau menyalakan harapan. Dilakukan dengan betul, pelaporan yang bertanggungjawab mampu menyelamatkan nyawa,” tegas Mediha.

CMCF dan NCEMH menggesa semua organisasi media memperkukuh garis panduan dalam bilik berita mereka, seperti yang digariskan dalam [Garis Panduan Pelaporan dan Perkongsian Kandungan Berkaitan Bunuh Diri](#), yang dibangunkan bersama dengan Kementerian Kesihatan dan Pusat Kecemerlangan Nasional untuk Kesihatan Mental (NCEMH). Antaranya:

- Elakkan butiran terperinci, kaedah atau imej, termasuk nota bunuh diri.
- Jangan melaporkan secara sensasi atau bersifat spekulasi.
- Hormati maruah serta privasi mangsa dan keluarga.
- Sentiasa sertakan talian bantuan dan sokongan.

Orang ramai juga diseru supaya lebih berhati-hati apabila berkongsi atau memberi komen mengenai kandungan berkaitan bunuh diri di media sosial. Setiap hantaran, setiap perkongsian, setiap komen memberi kesan. Memilih tanggungjawab berbanding sensasi dapat melindungi mereka yang rentan dan membina komuniti yang lebih kukuh. Kita boleh mengangkat kisah ketabahan tanpa menekankan cara kematian. Kita boleh bersatu menentang buli. Dan kita mesti ingat: sebuah kehidupan tidak seharusnya ditakrifkan oleh detik akhirnya.

**Jika anda atau seseorang yang anda kenali sedang bergelut, sila dapatkan bantuan.**  
Talian HEAL 15555 | Befrienders KL: 03-7627 2929

Untuk maklumat lanjut atau panduan mengenai amalan pelaporan beretika, sila hubungi Content Forum di **[secretariat@contentforum.my](mailto:secretariat@contentforum.my)**

— TAMAT —

### **TENTANG CMCF**

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) ialah organisasi kawal selia sendiri yang bebas yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebagai forum industri yang ditetapkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA'98) untuk menyelia dan menggalakkan pengawalseliaan sendiri kandungan melalui medium rangkaian elektronik. Forum Kandungan terdiri daripada pemain utama industri kandungan iaitu pengiklan, agensi pengiklanan, penyiar, pencipta/pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan pengehos teks audio, agensi pengiklanan, penyedia perkhidmatan internet dan kumpulan sivik.

Bertujuan untuk memudahkan kawal selia sendiri, yang menyediakan lapisan tambahan perlindungan pengguna yang melengkapkan rangka kerja undang-undang, CMCF komited untuk mentadbir dan mempromosikan penciptaan, pengedaran dan penggunaan kandungan rangkaian elektronik.

Sebagai forum industri, CMCF terdiri daripada ahli utama industri kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, pencipta kandungan, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik. Perwakilan pengamal industri yang dinamik dan teguh ini memastikan piawaian kandungan terus dibangunkan dengan objektif untuk mewujudkan gelanggang yang sama rata dalam industri.

CMCF bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Kod Kandungan"). Kod Kandungan telah disediakan oleh CMCF dan pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004 dan telah diperbaharui pada tahun 2022. Kod Kandungan adalah sumber utama bagi pengawalseliaan sendiri industri kerana ia mengandungi piawaian pentadbiran dan amalan terbaik untuk penyebaran kandungan dalam komunikasi dan industri multimedia di Malaysia. Objektif utama Kod Kandungan adalah untuk menggariskan tatacara kawal selia sendiri yang menyediakan platform untuk kreativiti, inovasi dan pertumbuhan sihat industri yang berkembang pesat.

CMCF menempatkan Biro Aduan yang diberi kuasa untuk menangani semua aduan berkaitan kandungan yang disebarkan melalui rangkaian elektronik. Biro Aduan diberi kuasa untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran Kod Kandungan, menguruskan pertikaian, mengadili kes, mengeluarkan arahan dan mengenakan sekatan jika perlu. Biro Aduan menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam. Selain itu, ia memainkan peranan untuk menyediakan nasihat kepada mana-mana pihak yang memerlukan panduan tentang hal berkaitan kandungan elektronik.

**Dikeluarkan oleh GO Communications bagi pihak CMCF**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

**GO Communications**

**Lim Huei Yuih**, Brand Director

+6012 635 3278

[hueiyuih@gocomm.com.my](mailto:hueiyuih@gocomm.com.my)

**Celine Lau**, Senior Brand Manager

+6012 962 2111

[celinelau@gocomm.com.my](mailto:celinelau@gocomm.com.my)